

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2013

Sarawak hilang pahlawan terbilang

BH-6/1/2013

» Pengorbanan
Kanang pertahan
tanah air
dikenang

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bharian.com.my

► Kuching

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yakin mendiang Datuk Temenggong Kanang Anak Langkau gembira dengan kejayaan dan pembangunan negara hasil perjuangannya mempertahankan tanah air selama ini.

Katanya, perkara itu dapat dilihat ketika sambutan Hari Ma-

laysia, September lalu, apabila mendiang yang dijemput menghadiri majlis di Bintulu itu, kelihatan ceria.

Beliau berkata, mendiang antara individu yang berjuang bagi memastikan keamanan dapat dicapai sehingga membolehkan pembangunan dilakukan.

Pencetus keamanan

“Sarawak kehilangan seorang pahlawan terbilang. Mendiang adalah pencetus keamanan sehingga rakyat Malaysia dapat hidup aman sehingga sekarang hasil pengorbanannya. Saya percaya mendiang berpuas hati selepas melihat keamanan itu kekal selama 50 tahun.

“Perkara sama pasti dikongsi patriot negara yang lain dan hasilnya (pembangunan) dapat dinikmati generasi muda,” katanya

selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salehuddin Abang Barieng dan isteri, Toh Puan Norkiah Toh Puan Norkiah Abdullah memberi penghormatan terhadap mendiang di Dewan Suarah Kuching, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Menteri Pembangunan Tanah Sarawak, Tan Sri James Jemut Masing; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof; Menteri Muda Perumahan negeri, Abdul Karim Rahman Hamzah serta barisan anggota Kabinet negeri.

Hampir 1,000 orang hadir majlis berkenaan, mengucapkan takziah kepada isteri mendiang, Datin Brawang Chungat dan keluarganya.



Turut hadir memberi penghormatan terakhir Abdul Taib serta isteri Puan Sri Ragard Kurdi Taib, turut sama Alfred Jabu Numpang di Dewan Suarah, Kuching.
[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]